



**KENYATAAN MEDIA
YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET
MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR)
SIRI 6 BILANGAN 1 TAHUN 2019
10 JANUARI 2019**

1. Pada hari ini saya telah mempengerusikan Mesyuarat Kali Yang ke-6 Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuanah (JKKMAR) Bilangan 1 Tahun 2019.
2. Sebanyak **7 kertas mesyuarat** telah dibincangkan, yang memfokuskan kepada usaha-usaha melonjakkan lagi imej negara dalam aspek governans, integriti dan anti rasuanah.
3. Keputusan-keputusan penting yang telah dicapai dalam mesyuarat JKKMAR kali ini ialah:
 - i. **Pelancaran Pelan Antirasuanah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) 2019-2023 pada 29 Januari 2019.**

Semua Anggota Pentadbiran serta Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan menjadi **champion** bagi bidang-bidang strategi yang telah ditetapkan dalam NACP
 - ii. **Inisiatif meningkatkan ketelusan dan integriti belanjawan dan proses belanjawan** dilakukan oleh Kementerian Kewangan dengan melaksanakan *pre-budget statement* dan Kajian Separuh Tahun (*mid year review*) bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan; memastikan ketelusan maklumat berkaitan hutang dan liabiliti negara; serta meminimumkan *off-budget* dalam perbelanjaan kerajaan mulai tahun 2019

- iii. **Cadangan penambahbaikan bagi kaedah perolehan, kriteria pemilihan dan penilaian perunding** untuk menambah baik proses pemilihan perunding yang berkeupayaan dan berkelayakan serta berintegriti tinggi bagi melaksanakan pelbagai projek kerajaan dengan nilai faedah yang terbaik kepada kerajaan agensi, jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi terutamanya dalam mencegah perlakuan rasuah
 - iv. **Memasukkan peruntukan baharu undang-undang mengenai tanggungjawab mendedahkan pemunya benefisiari (*Beneficial Ownership - BO*) ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)** untuk membolehkan SPRM mengenal pasti pemilik sebenar sesuatu kepentingan dalam sesuatu proses siasatan yang dijalankan
 - v. **Inisiatif untuk meningkatkan governans Malaysia berkaitan dengan pencegahan rasuah melalui penglibatan negara dalam badan standard antarabangsa ISO/TC 309** bagi *governance of organizations* dan mewajibkan pensijilan ABMS mendapat akreditasi daripada Jabatan Standards Malaysia
 - vi. **Penambahbaikan Tadbir Urus Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan telah pun dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November 2018** dan dimaklumkan dalam JKKMAR bagi memastikan ahli-ahli lembaga pengarah mesti dibuat dengan berintegriti dan calon-calon perlu melepassi tapisan keutuhan SPRM sebelum dilantik
4. **Semenjak penubuhan JKKMAR enam bulan yang lalu, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak lima kali pada tahun 2018 dan mencapai 61 inisiatif bagi menambah baik proses dan sistem tadbir urus, integriti dan anti rasuah. Usaha-usaha ini akan dipantau oleh GIACC bagi memastikan pelaksanaannya oleh kementerian-kementerian terbabit agar Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuah.**

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
10 JANUARI 2019**